

Panduan Memastikan Kestabilan Capaian Internet Semasa Peperiksaan Online SPA

Panduan ringkas ini adalah bagi membantu calon di dalam persediaan menduduki Peperiksaan *Online* SPA. Terdapat beberapa faktor utama yang dikenalpasti menyebabkan gangguan terhadap capaian internet. Diantaranya adalah seperti berikut:

1. *Virus, Malware, Spyware*

Sekiranya dijangkiti, sistem pengoperasian komputer boleh terganggu dan gagal beroperasi dengan baik. Ini juga boleh menyebabkan gangguan terhadap capaian internet.

Pencegahan: Guna antivirus yang diyakini selamat. Sila *scan* komputer anda dan pastikan *pattern* antivirus yang digunakan adalah terkini.

2. *Browser (add on dan plugin terlalu banyak)*

Sesetengah *plugin* atau *add on* adalah *spyware*. Ini boleh memudaratkan prestasi kelajuan capaian ke internet komputer anda.

Pencegahan: Anda boleh menggunakan tetapan *default setting* bagi *browser* masing-masing. Contoh:

- i. *Internet Explorer: internet option > Advanced > Reset Internet Explorer settings*
- ii. *Chrome: Setting > Reset Settings*

Penggunaan browser *Mozilla*, *Google Chrome*, *Internet Explorer* dan *Safari* adalah yang dicadangkan bagi capaian ke Sistem Peperiksaan *Online* SPA.

3. *Kuota Internet (Pegguna Broadband)*

Jika kuota internet anda telah hampir mencapai had maksimum, ini boleh mengakibatkan gangguan capaian internet semasa menduduki Peperiksaan *Online* SPA.

Pencegahan: Sila pastikan kuota capaian internet anda mencukupi sebelum menduduki Peperiksaan *Online* SPA.

4. *Windows Firewall*

Penggunaan *Windows Firewall* adalah satu cara untuk mengelak dari sebarang ancaman penceroboh. Namun sekiranya tetapan *firewall rules* yang dilakukan tidak menepati keperluan dan kegunaan seharian, ia boleh mengganggu sistem komputer anda.

Pencegahan: Sila pastikan *firewall rules*, tidak mengganggu aplikasi rangkaian internet yang sering digunakan.

5. *Fungsi Auto Update Perisian*

Banyak perisian sekarang yang mempunyai fungsi *auto update* dari internet secara percuma mahupun berbayar. Proses ini boleh mengganggu prestasi kelajuan capaian internet anda.

Pencegahan: Gunakan *msconfig* untuk menetapkan setiap program yang jarang anda gunakan supaya tidak *autorun* pada masa *startup*. Anda boleh menyemak semula senarai *service* (dari *administrative tools* – dalam *control panel*) yang diprogramkan untuk larian secara auto. Sekiranya tidak perlu, *disable service* tersebut.

Semoga Berjaya!